

KOTA KINABALU, 24 MAC (BERNAMA) -- KETIGA-TIGA PARTI UTAMA DI SABAH -- PARTI BERSATU SABAH (PBS), USNO DAN BERJAYA -- BERSETUJU PADA DASARNYA DENGAN FORMULA KERJASAMA YANG DIPERCAYAI BOLEH MENGATASI MASALAH YANG DIHADAPI DI NEGERI ITU.

PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA FORMULA ITU ADALAH ANTARA BEBERAPA PERKARA YANG TELAH DIBINCANGKAN OLEH BELIAU DENGAN KETIGA-TIGA PIHAK HARI INI.

PERBINCANGAN ITU TELAH BERLANGSUNG +DARI HATI KE HATI DAN BERTERUS TERANG,+ KATA BELIAU.

DATUK SERI DR MAHATHIR MEMBERITAHU PERSIDANGAN AKHBAR DI LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA DI SINI PETANG INI, BELIAU YAKIN PENYELESAIAN ITU AKAN DAPAT MENGHASILKAN KESTABILAN POLITIK DAN EKONOMI DI NEGERI INI PADA MASA AKAN DATANG.

BELIAU MENGADAKAN PERBINCANGAN SECARA BERASINGAN DENGAN DATUK PAIRIN, PRESIDEN USNO, TUN DATU MUSTAPHA DAN PRESIDEN BERJAYA, DATUK HAJI MOHD NOOR MANSOOR DI SEBUAH HOTEL TERKEMUKA DI SINI TENGAH HARI INI SELAMA TIGA JAM.

SETIAUSAHA AGUNG BARISAN NASIONAL ENCIK ABDUL GHAFAR BABA TURUT SAMA DALAM SEMUA PERBINCANGAN TERSEBUT. -- LAGI.
1808MST 24 03 86

B B507 AAB

MAHATHIR - FORMULA 2 KOTA KINABALU

DR MAHATHIR BAGAIMANAPUN TIDAK DAPAT MENJELASKAN SECARA TERPERINCI FORMULA TERSEBUT KERANA IA PERLU DIBINCANGKAN OLEH PEMIMPIN-PEMIMPIN PARTI YANG BERKENAAN TERLEBIH DAHULU UNTUK MENDAPATKAN PERSETUJUAN.

+ TENTU TIDAK ELOK SAYA ISYTIHARKAN SEKARANG SEBAB RAKAN-RAKAN PEMIMPIN PARTI MASING-MASING BELUM DIBERITAHU DAN BELUM MEMBINCANGKANNYA UNTUK MEMBUAT KEPUTUSAN,+ TEGASNYA.

MENURUTNYA, PERBINCANGANNYA DENGAN KESEMUA PIHAK ITU TELAH DAPAT MENGEMUKAKAN FORMULA YANG MEMBABITKAN SEMUA PIHAK BAGI MENGATASI MASALAH DI SABAH.

BELIAU BERHARAP INI AKAN DIIKUTI DENGAN SATU PERJUMPAAN DI KUALA LUMPUR ANTARA KETIGA-TIGA PIHAK MINGGU INI SELEPAS PARTI MASING-MASING MEMBUAT KEPUTUSAN.

DR MAHATHIR BERKATA SELEPAS ITU PERBINCANGAN AKAN DIBUAT DI BAWAH NAUNGAN BARISAN NASIONAL YANG MUNGKIN AKAN MENIMBANGKAN PERMOHONAN PBS DAN USNO UNTUK MENYERTAI BARISAN NASIONAL. -- LAGI
1822MST 24 03 86

B B509 AAB

MAHATHIR - FORMULA 3 KOTA KINABALU

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA SEPERKARA YANG JELAS IALAH DATUK PAIRIN AKAN TERUS MENJADI KETUA MENTERI SABAH DAN DALAM PENYELESAIAN ITU KESEMUA PIHAK PERLULAH BERKORABAN UNTUK MENSTABILKAN KEADAAN MASA HADAPAN SABAH.

DALAM MELAKSANAKAN FORMULA ITU, KATANYA, SEMUA PIHAK MESTILAH BERSETUJU BEKERJASAMA DAN BERTOLAK ANSUR BERDASARKAN PERSETUJUAN DAN PENYELESAIAN POLITIK.

KATANYA, BELIAU TIDAK DAPAT MENYATAKAN SAMA ADA KEJAYAAN MENCAPAI FORMULA ITU HASIL USAHA BARISAN NASIONAL KHUSUSNYA UMNO YANG MENGESYORKAN FORMULA-FORMULA BERKENAAN DALAM SIDANGNYA KELMARIN.

+ SAYA DATANG SEBAGAI PERDANA MENTERI YANG BERTANGGUNGJAWAB TERHADAP KESELAMATAN NEGARA DAN SEKALIGUS SAYA JUGA Pengerusi BARISAN NASIONAL,+ KATANYA SEMASA MENJAWAB SATU SOALAN.

DATU SERI DR. MAHATHIR BERKATA SETELAH PERSETUJUAN ITU DICAPAI SEGALA BUTIRAN MENGENAI BENTUK KERJASAMA ITU AKAN DIBINCANGKAN OLEH KETIGA-TIGA PIHAK KELAK. -- LAGI
1836MST 24 03 86

D976

B B520 AAB

MAHATHIR - FORMULA 4 KOTA KINABALU

MENURUT BELIAU, ANTARA BUTIRAN ITU IALAH KEMUNGKINAN KES-KES DI MAHKAMAH SEKARANG AKAN MENJADI SYARAT UNTUK PENYELESAIAN TERSEBUT YANG BERMAKNA PIHAK-PIHAK BERKENAAN MENGGUGURKAN TUNTUTAN MEREKA YANG ADA.

BAGAIMANAPUN DATU SERI DR MAHATHIR BERKATA TIADA SIAPAPUN AKAN MEMINTA SESUATU SEBAGAI SYARAT PENYELESAIAN TERSEBUT.

+ KAMI TELAH MEMUTUSKAN BAHAWA SETIAP PIHAK AKAN MEMPUNYAI HAK YANG SAMA DI SABAH,+ TEGASNYA.

YANG TURUT HADIR PADA PERSIDANGAN ITU IALAH DATUK PAIRIN, ENCIK GHAFFAR, KETUA SETIAUSHA KEMENTERIAN DALAM NEGERI, DATUK AZIZAN ZAINAL ABIDIN DAN KETUA POLIS NEGARA, TAN SRI HANIFF OMAR. -- BERNAMA
1914MST 24 03 86